

EDISI OGOS 2025

MAJALAH GENERASI PENGGUNA

MERDEKA SEBAGAI PENGGUNA

***INSURANS/TAKAFUL PERLU
ATAU TIDAK?***

***KEPENTINGAN KERUSI
KESELAMATAN KANAK-KANAK***

***AWASI TANDA HARGA PROMOSI
TELAH TAMAT***

ISI KANDUNGAN



03

**RENCANA UTAMA : MERDEKA
SEBAGAI PENGGUNA**

06

**ISU KEPENGGUNAAN :
INSURANS/TAKAFUL PERLU ATAU
TIDAK?**

9

**STANDARD KESELAMATAN:
KEPENTINGAN KERUSI
KESELAMATAN KANAK-KANAK**

12

**TIP PENGGUNA : AWASI TANDA
HARGA PROMOSI TELAH TAMAT**

Majalah Generasi Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan FOMCA.



MERDEKA SEBAGAI PENGGUNA

Kemerdekaan yang dikecapi bermakna bebas, bukan sekadar daripada penjajahan fizikal, malah mencakupi aspek spiritual dan mental. Erti kemerdekaan yang dinikmati ialah membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing, seterusnya berusaha bangkit sebagai bangsa bermaruah. Sebagai rakyat Malaysia, sambutan kemerdekaan yang ke-68 ini perlu dilihat daripada pelbagai sudut dan apakah kebebasan dan kemerdekaan yang anda mahukan dalam diri anda, institusi kekeluargaan dan bangsa secara amnya?

Teknik "snowball"

- Senaraikan semua hutang anda mengikut baki hutang
- Susun dan dahulukan baki hutang yang paling sedikit
- Selesaikan baki hutang yang paling sedikit dan bayar minimum untuk hutang-hutang lain
- Apabila hutang tersebut langcai, fokus pada hutang seterusnya

5 ASPEK YANG BOLEH DIKATEGORIKAN SEBAGAI 'KEMERDEKAAN PENGGUNA'



1. Merdeka daripada hutang

Langsaikan hutang anda dan disiplinkan diri untuk membayar hutang mengikut prosedur dan bayaran bulanan yang telah ditetapkan.

Cuba anda gunakan teknik "*snowball*" untuk menguruskan hutang. Teknik "*snowball*" adalah untuk menyelesaikan hutang yang mempunyai baki hutang yang paling kecil dahulu.



2. Merdeka daripada pembaziran

Bolehkah anda berubah daripada membazir kepada mengamalkan budaya berjimat cermat. Mungkin sebahagian menyatakan, ibu bapa yang membayar segala penggunaan elektrik dan air di rumah. Cuba wujudkan satu tabung sebagai denda kepada ahli keluarga yang tidak menutup lampu apabila tidak digunakan atau aktiviti-aktiviti lain yang menjurus kepada pembaziran. Aktiviti ini tentu menyeronokkan dalam melatih ahli keluarga anda untuk jadi pengguna yang berhemat. Cubalah!



3. Merdeka daripada cintakan keinginan (kehendak)

KEPERLUAN dan KEHENDAK bagi setiap individu adalah berbeza. Ia bergantung kepada pendapatan seseorang. Sekiranya barangan itu merupakan suatu "KEHENDAK" dan hanya untuk bersaing atau untuk menunjuk-nunjuk kepada rakan sebaya atau kejiwaan, maka adalah lebih baik anda menyimpan wang tersebut dan menggunakannya apabila perlu. Ingat! Korbankan keinginan yang tidak penting sekarang dan tetapkan hasrat anda untuk mencapai matlamat kewangan yang lebih baik pada masa akan datang.

4. Merdeka daripada gaya hidup tidak sihat



Malaysia merupakan antara negara ASEAN yang mempunyai jumlah penduduk yang mempunyai masalah obesiti tertinggi. Berdasarkan laporan NHMS 2023 merekodkan trend berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan dewasa di Malaysia meningkat 10 peratus antara 2011 hingga 2023. Kadar pengambilan gula oleh rakyat Malaysia pula adalah terlalu tinggi, iaitu secara purata 118 gram sehari, melebihi saranan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu sebanyak 25 gram sehari. Amalan tidak sihat ini menjadi punca kepada pelbagai jenis penyakit.

5. Merdeka daripada sikap tidak ambil peduli



“Sudah terhantuk baru tengadah”. Peribahasa ini sangat sinonim dengan diri seseorang yang tidak berhati-hati sebelum terjadi sesuatu yang tidak diingini. Berdasarkan laporan daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2025 telah mencatatkan sebanyak 4,368 kes penipuan pelaburan tidak wujud, dengan jumlah kerugian mencecah lebih RM750 juta. Ia menunjukkan peningkatan mendadak berbanding tempoh sama tahun lalu (2024) yang merekodkan 2,715 kes dengan kerugian lebih RM350 juta. Statistik ini menandakan trend yang membimbangkan dan memerlukan tindakan segera daripada pihak berkuasa serta peningkatan kesedaran masyarakat terhadap jenayah penipuan pelaburan.

Kesimpulannya, pengguna yang merdeka kewangan bukanlah sesuatu yang berlaku secara kebetulan — ia perlu dirancang, diurus dan diusahakan. Sama ada anda masih bujang, berkeluarga atau hampir bersara, langkah kecil yang konsisten hari ini mampu membawa perbezaan besar pada masa hadapan.



INSURANS/ TAKAFUL - PERLU ATAU TIDAK?



KENAPA PERLINDUNGAN INSURANS/TAKAFUL INI PENTING?

- ✓ Musibah tak boleh dijangka — kemalangan, penyakit serius, bencana alam, kematian.
- ✓ Kos rawatan tinggi — satu pembedahan kecil boleh cecah RM10,000 ke atas.
- ✓ Lindungi keluarga — jika anda meninggal dunia, waris masih ada sumber kewangan.
- ✓ Kurangkan beban hutang — terutamanya jika anda ada komitmen bulanan (rumah, kereta).

Realiti: Tanpa perlindungan, semua kos perlu ditanggung sendiri. Simpanan habis, hutang bertambah.

APA ITU INSURANS/TAKAFUL?

Insurans ialah satu bentuk perlindungan kewangan di mana pemegang polisi membayar sejumlah wang (premium) untuk mendapatkan pampasan jika berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti kemalangan, kebakaran atau penyakit.

Takaful pula adalah alternatif patuh syariah, berasaskan konsep tabarru' (derma) dan perkongsian risiko dalam kalangan peserta. Ia dikawal selia menurut prinsip Islam.

Menurut statistik:

- 1 daripada 3 rakyat Malaysia tidak mempunyai sebarang pelan perlindungan.
- Inflasi perubatan meningkat sekitar 11-15% setiap tahun (sumber: BNM)
- Kos rawatan barah boleh cecah RM100,000 ke atas dalam tempoh rawatan.

JENIS PERLINDUNGAN INSURANS/TAKAFUL YANG DISARANKAN

1. Takaful Perubatan/Kad Perubatan
 - Untuk kos rawatan, wad hospital, pembedahan.
2. Takaful Hayat/Penyakit Kritikal
 - Memberi pampasan kepada waris jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal.
3. Takaful Harta (Rumah/Kenderaan)
 - Lindungi aset daripada bencana, kebakaran, kecurian.
4. Takaful Pendidikan (untuk anak)
 - Persediaan awal kos pendidikan tinggi.

BILA MASA TERBAIK UNTUK MULA?

SEKARANG!

Lebih awal anda ambil perlindungan (ketika masih sihat & muda), lebih rendah premium, lebih luas perlindungan.

Tunggu sakit baru mohon? Risiko permohonan ditolak atau dikenakan premium tinggi.

KENAPA MASIH RAMAI RAGU-RAGU UNTUK MEMILIKI INSURANS/TAKAFUL?

ALASAN	REALITI
"Saya masih muda & sihat"	Risiko tetap ada. Kemalangan dan penyakit tidak mengenal umur.
"Saya dah ada simpanan"	Simpanan boleh habis, insurans/takaful beri pampasan segera.
"Saya tak faham sistem"	Kini banyak ejen dan platform yang bantu terangkan pelan secara telus.
"Mahal sangat"	Pelan asas serendah RM50–100 sebulan pun sudah melindungi perkara asas.



TIP MEMILIH PELAN INSURANS/TAKAFUL

- Fahami keperluan diri & keluarga
- Bandingkan pelan & manfaat (jangan terus ikut ejen sahaja)
- Pilih yang patuh syariah (bagi Muslim)
- Semak had tahunan, pengecualian, tempoh menunggu
- Dapatkan khidmat nasihat profesional jika perlu

Kesimpulannya, dalam keadaan yang penuh ketidakpastian, dengan kos rawatan yang semakin meningkat, risiko kemalangan, penyakit kritikal dan bencana, pelan perlindungan yang sesuai dapat membantu mengurangkan beban kewangan dan memberi ketenangan fikiran kepada anda dan keluarga.

Maka, bertindaklah sekarang! Jangan tunggu sehingga musibah datang baru ingin bersedia. Mulakan dengan pelan yang mampu milik, dan tingkatkan perlindungan anda seiring dengan perubahan keperluan hidup.

KEPENTINGAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

Kajian MIROS pada 2019 mendapati:

- Hanya 43.87% ibu bapa menggunakan kerusi keselamatan untuk anak mereka.
- Daripada jumlah itu, kurang separuh memasangnya dengan betul.

Sejak penguatkuasaan pada 2020, masih ramai tidak mematuhi penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak khususnya dalam perjalanan singkat dan kawasan kampung.

Kemalangan jalan raya antara punca utama kematian kanak-kanak di Malaysia. Ramai tercedera atau maut kerana tidak menggunakan kerusi keselamatan atau gunakannya dengan cara salah.

Fakta: Kerusi keselamatan yang digunakan dengan betul dapat kurangkan risiko kematian sehingga 71%.



APA ITU KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK?

Kerusi keselamatan kanak-kanak ialah peralatan khas yang direka untuk:

- Memberi perlindungan tambahan kepada bayi dan kanak-kanak dalam kenderaan
- Memastikan posisi duduk yang betul dan mengelakkan hentakan teruk semasa perlanggaran
- Menahan pergerakan tubuh kecil yang lebih rapuh berbanding orang dewasa

Kerusi ini direka berdasarkan saiz, berat dan usia kanak-kanak untuk memastikan keberkesanan maksimum.

Jenis	Kategori umur	Ciri utama
<i>Infant Carrier</i>	Bayi 0–12 bulan (hingga 10kg)	Menghadap belakang, sokongan kepala
<i>Convertible Seat</i>	Bayi & kanak-kanak kecil	Boleh diubah posisi (belakang/ depan)
<i>Toddler Seat</i>	1–4 tahun (9–18kg)	Menghadap ke depan, <i>harness</i> 5 titik
<i>Booster Seat</i>	4–12 tahun (15–36kg)	Gunakan tali pinggang kereta biasa

STANDARD & PERATURAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Sejak 1 Januari 2020, kerajaan Malaysia telah mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak bagi kenderaan persendirian, berdasarkan garis panduan berikut:

- ✓ Mematuhi piawaian keselamatan antarabangsa (ECE R44/04 atau R129)
- ✓ Digunakan mengikut berat dan umur kanak-kanak
- ✓ Dipasang dengan betul – sama ada menggunakan tali pinggang atau sistem *ISOFIX*



RISIKO JIKA TIDAK GUNAKAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

- Tercampak keluar dari kereta semasa perlanggaran
- Kecederaan kepala dan tulang belakang akibat hentakan
- Tali pinggang biasa boleh mencederakan leher anak kecil
- Ibu atau ayah yang mendukung anak berisiko menggilis anak sendiri dalam pelanggaran (akibat daya inersia)

Bayi seberat 10kg boleh terhumban ke hadapan dengan kuasa 300kg jika berlaku hentakan pada kelajuan 50km/jj!

TIP PENTING PENGGUNAAN

- Pilih mengikut usia dan berat anak, bukan sekadar rupa atau jenama
- Pastikan kerusi dipasang dengan betul – baca manual atau dapatkan bantuan profesional
- Jangan beli kerusi terpakai yang rosak atau tanpa sijil sah
- Gunakan kerusi yang menghadap ke belakang selagi boleh (lebih selamat untuk bayi bawah 2 tahun)

Elakkan meletakkan kerusi bayi di tempat duduk hadapan dengan beg udara aktif

Kesimpulannya, kerusi keselamatan kanak-kanak bukan aksesori mewah, tetapi keperluan asas keselamatan setiap keluarga. Pelaburan kecil hari ini mampu menyelamatkan nyawa anak anda esok hari. Walaupun undang-undang mungkin memberi kelonggaran, keselamatan anak anda adalah tanggungjawab yang tidak boleh dikompromi.

Langkah Bijak Elak Terpedaya

1. Semak tarikh promosi pada tanda harga, biasanya tercatat tempoh sah.
2. Ambil gambar tanda harga promosi jika anda rasa perlu dijadikan bukti.
3. Simpan resit pembelian untuk rujukan dan aduan.
4. Periksa harga semasa di kaunter sebelum membuat pembayaran.
5. Tegur atau lapor terus kepada pengurusan kedai jika terdapat kekeliruan.

Tanda harga bukan sekadar sekeping kertas tetapi ia mencerminkan integriti perniagaan dan hak pengguna. Pengguna yang peka dan berani menegur akan membantu membentuk ekosistem perniagaan yang lebih telus dan adil. Maka, awasilah tanda harga promosi, kerana anda berhak mendapatkan apa yang diiklankan, pada harga yang dijanjikan.

Hak Anda Sebagai Pengguna

Jika berlaku perbezaan antara harga di rak dan harga di kaunter:

- Anda berhak membayar harga yang lebih rendah (harga yang dipamerkan).
- Laporkan kepada pihak pengurusan kedai dengan segera.
- Buat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui talian Whatsapp, +6019-848 8000; aplikasi Ez Adu; talian hotline 1-800-886-800 atau portal rasmi KPDN.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

HAK PENGGUNA UNTUK MEMILIH

APA NAK BELI?

Keperluan, citarasa, kesukaan. Pengguna bersedia membayar lebih jika pilihan atas dasar gaya, citarasa dan kesenangan (convenience)

DI MANA NAK BELI?

Kedai, premis, platform dan lokasi. Sedia beralih jika sesebuah premis tidak lagi menjual pada harga yang munasabah

BILA NAK BELI?

Keperluan mendesak atau boleh tunggu waktu yang sesuai seperti jualan mega, diskaun dan potongan harga untuk meningkatkan penjimatan

Jadilah pengguna yang bijak memilih **APA, DI MANA** dan **BILA** **INGIN MEMBELI** untuk memaksimumkan penjimatan ketika berbelanja

Apa komen anda mengenai Majalah Generasi Pengguna Edisi 2025?

Sila imbas kod QR untuk tinjauan bagi Majalah Generasi Pengguna.

